

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
Sent: Tuesday, October 16, 2018 10:29 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar; Dr. Mohd Na'eim Bin Ajis; Roshadah Bt Yaacob
Subject: TAKLIMAT MOBILITI UUM COLGIS TARIK MINAT PELAJAR



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

16 OKTOBER 2018 / 7 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

TAKLIMAT MOBILITI UUM COLGIS TARIK MINAT PELAJAR



PPA COLGIS ONLINE: Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM COLGIS telah mengadakan Taklimat Mobiliti : "Jom Ke Luar Negara" untuk pelajar UUM COLGIS bagi sesi A182 (Februari 2018). Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Dr. Mohd Na'eim Bin Ajis, Timbalan Dekan PPA COLGIS pada 9 Oktober 2018 bertempat di DKG 5/4.

Pada sesi taklimat tersebut para pelajar telah diberikan penerangan mengenai proses permohonan program mobiliti serta kelebihan yang disediakan oleh pihak universiti terhadap pelajar yang berminat. Beliau turut menyentuh beberapa perkara iaitu berkaitan kursus-kursus yang dibenarkan diambil semasa mobiliti, pembiayaan program mobiliti dan syarat-syarat permohonan mobiliti. Dr. Mohd Na'eim menyasarkan tahun ini lebih ramai pelajar akan mengikuti program mobiliti ke luar negara. *"Peluang hanya datang sekali, rugi kalau pelajar melepaskan peluang ini"*, tambahnya lagi. Puan Roshadah Yaacob, Penolong Pendaftar PPA COLGIS turut memaklumkan bahawa yuran pengajian pada semester semasa tidak akan dicaj kepada pelajar jika pelajar mengikuti program mobiliti. Oleh itu, kepada pelajar-pelajar yang mendapat biasiswa atau pinjaman PTPTN boleh menggunakan peruntukan itu untuk menampung sara hidup mereka di luar negara.

Pelajar-pelajar yang telah mengikuti program mobiliti pada semester A172 turut dijemput untuk berkongsi pengalaman mereka sepanjang menjalani program mobiliti. Antara universiti yang menjadi pilihan pelajar UUM COLGIS menjalani mobiliti selain dari universiti tempatan adalah Universitas Brawijaya, President University, Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY), Istanbul Sabahattin Zaim University, Prince of Songkla University dan University of Tsukuba.

Nur Zulaikha Sapura Bt Hassan, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Antarabangsa yang mendapat tajaan biasiswa AIMS sebanyak RM14,000.00 berkata *"banyak ilmu yang saya perolehi sepanjang berada disana dan pengalaman ini sangat bermakna buat saya, rugi sekiranya pelajar tidak merebut peluang yang diberikan oleh universiti, saya berharap saya akan diberi peluang sekali lagi untuk mengikuti program mobiliti"*

PPA COLGIS mengharapkan perkongsian ini akan dapat meningkatkan keyakinan serta minat pelajar-pelajar dalam menyertai program mobiliti. Maklumbalas dari pelajar yang hadir dalam sesi taklimat ini mereka mendapat gambaran yang jelas mengenai program mobiliti yang ditawarkan di UUM.

Sekian, terima kasih.

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

College of Law, Government and International Studies (COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email : colgis_pppa@uum.edu.my

Laman Web : <http://ppacolgis.uum.edu.my/> | Facebook : OFFICIAL PPA UUM COLGIS



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.